

07/05/2000

Tahap pemahaman sains belum membanggakan

Nurul Adlina Kamaludin

KEJAYAAN empat saintis negara meraih pingat emas di pertandingan reka cipta antarabangsa yang berprestij di Geneva, baru-baru ini sememangnya membanggakan.

Ia bukan setakat mengharumkan nama negara tetapi lebih penting, membuktikan kemampuan saintis tempatan yang setanding dengan penyelidik negara maju.

Sayangnya, kejayaan manis itu hanyalah umpama tompokan kecil di atas kertas hitam yang mewakili senario bidang dan pencapaian S&T (sains dan teknologi) di Malaysia.

Ini kerana, masih ramai, tidak kira golongan dewasa atau pun kanak-kanak dan remaja mempunyai fobia atau menggeruni bidang S&T itu sendiri.

Tidak hairanlah, selain tahap pengetahuan dan kefahaman yang masih tidak membanggakan, jumlah pelajar yang memilih jurusan sains mahu pun mereka yang bekerja dalam bidang ini boleh dibilang dengan jari.

Jika keadaan ini berterusan, sudah pasti sukar untuk mencapai status negara maju pada 2020 atau berupaya melahirkan pemenang nobel sains, seperti yang disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Itulah persoalan yang menjadi inti pati perbincangan dan berjaya dikupas sepanjang tiga hari Persidangan Antarabangsa Kefahaman Masyarakat Terhadap Sains dan Teknologi (PUSAT 2000) anjuran Persatuan Saintifik Malaysia (MSA) baru-baru ini.

Persidangan yang dihadiri hampir 200 peserta, termasuk ahli sains dalam dan luar negara, ahli persatuan sains dan golongan pendidik, menyaksikan pembentangan 37 kertas kerja dengan topik seperti Pencapaian, Peluang dan Cabaran S&T; Isu dan Strategi, Masyarakat dan Alam Sekitar serta Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap S&T sebagai Agenda Alaf Baru.

Usaha MSA yang kali pertama menganjurkan persidangan antarabangsa itu sememangnya tepat kerana selain membuka mata ramai peserta akan peri penting bidang berkenaan, ia turut mencetuskan idea dan cadangan bagi mempertingkatkan popularitinya pada mata umum.

Namun, seperti diakui Setiausaha Agung Akademi Sains Malaysia (ASM), Datuk Dr Salleh Mohd Nor, usaha seperti menganjurkan persidangan itu tidak bererti andai masyarakat terus bersikap negatif terhadap bidang itu.

Menurutnya, selain aspek populariti bidang S&T yang perlu dipertikaikan, hakikat yang masih membelenggu masyarakat di bandar mahu pun desa adalah perkembangan bidang S&T yang tidak menggalakkan.

"Ini adalah sesuatu yang kritikal. Sebagai contoh, jumlah pelajar memilih bidang ini di sekolah mahu pun institusi pengajian tinggi masih kurang berbanding bidang lain. Bukan itu saja, sikap negatif ibu bapa dan persepsi masyarakat yang menidakkan kepentingan bidang ini masih lagi menular dan ini yang kita kesali.

"Memang benar kita merasakan perkembangan bidang ini, tetapi sayang imejnya tidak sehebat mana kerana sikap masyarakat yang masih rendah tahap kesedaran terhadap S&T. Apalah ertinya kemajuan negara jika rakyatnya masih tidak sedar soal asas seperti menyedari impak S&T terhadap mereka," katanya.

Beliau sendiri berasa hairan bagaimana isu lain seperti hiburan dan kehebatan penyanyi lebih diagungkan biarpun ia tidak mempunyai sebarang kepentingan berbanding S&T yang mampu menjanjikan masa depan cerah bagi diri seseorang individu dan negara secara amnya.

"Bukan saja golongan muda, malah dewasa iaitu ibu bapa yang tidak

berminat dalam bidang ini. Mereka menganggap S&T ini sebagai satu subjek sedangkan ia sebenarnya adalah cara hidup kita dan tanpanya, pembangunan rakyat dan negara boleh terjejas," katanya.

Menyedari hakikat itu, kata Dr Salleh, Akademi Sains sendiri turut menerapkan kepentingan tiga bidang iaitu sains, kejuruteraan dan teknologi (SET) yang menjadi pemacu pembangunan negara dan mampu meningkatkan taraf hidup masyarakatnya.

"Pengetahuan dan populariti SET perlu dititik berat daripada peringkat asas lagi. Jika pelajar tidak berminat mesti ada sebab di sebaliknya.

"Kerana itulah, usaha menyebarkan maklumat bidang SET ini bukan boleh cuit sana sikit, cuit sini sikit sebaliknya ia perlu dilakukan secara menyeluruh. Jika hiburan itu boleh menghiburkan, maka SET juga boleh disalurkan dalam bentuk yang sama asalkan mesejnya dapat diterima masyarakat," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan pendekatan memperkenalkan SET itu disusun semula bagi menepati keadaan semasa yang lebih berminat kepada perkara yang dapat menarik perhatian mereka.

Beliau turut meminta kerajaan memberi perhatian kepada fungsi guru yang selama ini kurang mendapat perhatian berbanding profesion lain.

Sementara itu, ketika ditemui, Presiden MSA, Dr Soon Ting Kueh, pula berkata aspek pendidikan dan latar belakang keluarga menyebabkan bidang S&T seakan terpinggir.

Beliau turut mencadangkan kerjasama lebih erat antara persatuan S&T dengan media massa diwujudkan bagi kepentingan penyebaran maklumat berasaskan bidang berkenaan kepada orang ramai.

"Ketika ini, terus terang saya katakan kerjasama itu agak hambar. Malah pada pihak media massa itu sendiri tidak banyak rencana atau program TV berkaitan S&T dipaparkan.

"Kita tidak ada satu program khusus mengenai sains sepertimana di Amerika Syarikat dengan program sains di televisyen yang popular seperti National Geographic. Sudah tiba masanya, program seperti ini diwujudkan supaya semua peringkat usia dapat menghayati S&T yang ada kena mengena dengan diri mereka," katanya.

(END)